



Mohd Khairil didakwa di Mahkamah Sesyen Kuala Terengganu, semalam.

(Foto BERNAMA)

Bekas pegawai imigresen tidak mengaku salah

Kuala Terengganu: Seorang bekas pegawai imigresen dihadapkan ke Mahkamah Sesyen, di sini, semalam atas 17 pertuduhan menerima suapan.

Bagaimanapun tertuduh, Mohd Khairil Kamaruddin, 29, yang sudah meletakkan jawatannya pada awal tahun ini, mengaku tidak bersalah selepas semua pertuduhan terbabit dibacakan terhadapnya di hadapan Hakim Jamaluddin Mat.

Berdasarkan pertuduhan, Mohd Khairil didakwa menerima rasuah yang keseluruhannya berjumlah RM63,430 sebagai imbu-

han bagi mendapatkan pengesahan cop passport menerusi akaun banknya daripada dua lelaki.

Kesalahan itu didakwa dilakukan di Bangunan Sultan Iskandar di Johor Bahru antara Mac 2018 dan Januari tahun ini.

Pendakwaan dilakukan Timbalan Pendakwa Raya Hamizah Razali, manakala tertuduh diwakili peguam Datuk Syed Azimal Syed Abu Bakar.

Mahkamah kemudian membenarkan tertuduh diikat jamin RM40,000 dengan seorang penjamin dan sebutan semula kes ditetapkan pada 17 Januari depan.